



غفلت


KELALAIAN



Shaykh-e-Tariqat Amir-e-Ahl-e-Sunnat,

Pengasas Dawat-e-Islami Allamah Maulana Abu Bilal رحمۃ اللہ علیہ

Muhammad Ilyas Attar Qadiri Razavi



M Tetap Menonton
adani Channel

مکتبۃ المدینہ

غَفَلت

Kelalaian

Buku kecil ini mula-mula dipersembahkan oleh Majlis Al-Madinat-ul-Ilmia ke dalam Bahasa Urdu. Majlis Penterjemahan (Dawat-e-Islami) telah menterjemahkannya ke dalam Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang kesilapan di dalam penterjemahannya ataupun dari segi karyanya, sila hubungi Majlis Penterjemahan supaya beroleh pahalanya.

DiKelolakan Oleh:

Majlis Penterjemahan (Dawat-e-Islami), Maktaba-tul-Madina
Pusat Antarabangsa Madani, Faizan-e-Madina, Muhalla Sodagran,
Old Sabzi Mandi, Bab-ul-Madina, Karachi, Pakistan
Contact #: +92-21-34921389 to 93,34126999
Faks:+92-21-34125858
translation@dawateislami.net,
maktabaglobal@dawateislami.net,
www.dawateislami.net

Setelah Anda Membacanya, Hadiahkanlah Buku Kecil Ini Kepada Orang Lain Pula

Edarkanlah buku-buku kecil terbitan **Maktaba-tul-Madina** dalam majlis-majlis perkahwinan, ketika berada dalam keadaan sedih, Ijtima,aats dan dalam majlis-majlis lain untuk mendapat ganjaran. Biasakan dengan menyimpan buku-buku seperti ini dan kedai anda dan edarkan secara percuma kepada pembeli. Edarkanlah melalui penghantaran surat khabar atau melalui kanak-kanak supaya dapat diedarkan di kawasan-kawasan kejiranan anda. Berilah buku baru setiap kali diterbitkan dan menerima ganjaran kerana mengandungi kepada kebaikan.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ط وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ ط
أَمَّا بَعْدُ فَأَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ط بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ط

Kelalaian*

Membaca seluruh buku kecil ini akan mandatkan setinggi-tinggi keberkatan dalam diri kita. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ

Rasulullah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bersabda, “Wahai umatku, barang siapa yang menyempurnakan Durood yang melimpah ruah terhadapku di dunia ini nescaya dia akan terlepas daripada bencana dan diampunkan pada hari akhirat nanti.” (*Firdaus-ul-akhbar, ayat 5, Hal 375, Hadis 8210*)

صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ

Bungkah Emas

Pernah diriwayatkan seorang yang alim yang memiliki sebungkah emas. Lalu dia lalai dalam kemewahan hidup duniawi ini dan menghabiskan masa setiap malam merancang apa yang perlu dia lakukan dengan harta kekayaan barunya itu,

* Ceramah ini disampaikan dalam pada hari terakhir Perhimpunan Dawat-e-Islami inspirasi Sunnah di Ahmadabad (India), yang berlangsung tiga hari pada 28-30 Rajab-ul-Murajab 1418 H, bersamaan (28-30 Disember, 1997) - Ubaid Raza ibn-e-Atfar.

memikirkan makanan semewah-mewahnya, pakaian secantik-cantiknya, dan pembantu rumah yang memberinya layanan sepanjang masa.

Pada malam itu dia berada dalam impian fantasinya, hidup berfoya-foya hingga dia lalai terhadap Allah **عَزَّوَجَلَّ**. Apabila dia keluar rumah pagi itu setelah berfantasi pada malamnya, dia berjalan melewati kawasan kubur. Lalu, dia terpandang seorang lelaki sedang membuat batu-bata dari tanah kubur yang digalinya. Dia terpagun dan pada ketika itu juga dia tersedar daripada kelalaiannya. Dia pun menangis dan mengutuk-ngutuk dirinya, “Bagaimana kalau orang ini membuat batu-batanya daripada tanah kuburku sendiri? Rumah mewahku, pakaian yang indah-indah milikku, semuanya akan ditinggalkan.

Memiliki kemewahan hidup dengan bungkah emas ini hanya akan melalaikan aku sahaja setiap masa. Kalau aku mahu jatuh cinta biarlah aku jatuh cinta dengan Allah **عَزَّوَجَلَّ**. Lalu dia pun meninggalkan kemewahan bungkah emasnya dan kembali semula ke jalan Allah **عَزَّوَجَلَّ**.

Punca Kelalaian

Saudara-saudara Muslimin sekalian! Sesungguhnya, kita akan terpukau dan terlalai semakin kita menjadi bertambah mewah dengan harta dunia. Janganlah kita terpedaya kepada nafsu kelalaian ini kerana ia hanya akan menjauhkan kita daripada Allah **عَزَّوَجَلَّ**. Berdagang dengan baik merupakan satu hadiah, kekayaan merupakan hadiah, rumah besar merupakan hadiah,

kereta mewah merupakan hadiah, anak-anak merupakan hadiah, tetapi memiliki hadiah keduniaan secara berlebih-lebihan akan membuatkan kita lengah dan lalai.

Ayat ke-9 Surah Munafiqun (Bahagian 28) berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا
 أَوْلَادُكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿٩﴾

Terjemahan Kanzul-Iman

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah harta-hartamu dan anak-anakmu melalaikan kamu dari mengingat Allah. Barang siapa yang berbuat demikian maka mereka itulah orang-orang yang rugi.”

Ayat ini mengajar kita, terutama saudara-saudara yang menerima pelawaan untuk kebaikan dan memanggil kita untuk bersembahyang tetapi menjawab, “Aku tengah bekerja dan bukankah itu satu tugas suci buat keluargaku. Apabila aku ada waktu nanti aku akan bersama kamu ke masjid.” Ini sebenarnya adalah jawapan orang yang lalai.

Sampali Ajal Menangis Pun Tak Guna

Mereka yang hanya berfikir untuk menambah kekayaan, bermati-matian mencari kekayaan di luar negeri, liat ke masjid, berhabisan untuk mencantikkan hiasan rumah, tetapi enggan bersedekah ke jalan Allah عَزَّوَجَلَّ, gunakan pebagai cara untuk mendapatkan wang tetapi tidak melalui jalan yang diredhai,

hendaklah sedar sebelum maut memanggilnya. Maut akan menafikan kemewahan hidup-nya dari kamar mewahnya ke lubang lahat yang dipenuhi serangga dan labah-labah. Mereka akan terpekik-terlolong memanggil, “Ya Allah **عَدَّوَجَلَّ**! Kembalikanlah kami semula ke dunia agar kami dapat menyembah-Mu. Kembalikanlah kami. Kami akan dermakan kekayaanku ke jalan-Mu. Kami akan bersembahyang pada takbir pertama berjemaah lagi. Kami tidak akan tinggalkan sembahyang Tahajjud. Kami akan berada di masjid pada setiap waktu. Kami tidak akan mencukur rambut (zulfan) dan janggut. Kami akan memakai sarban (Imaama Shareef) pada setiap waktu. Ya Allah **عَدَّوَجَلَّ**! Kembalikanlah kami semula ke dunia. Berilah kami peluang sekali lagi. Kami akan tinggalkan gaya hidup mewah dan menyebarkan ajaran Sunnah ke mana jua. Ya Allah **عَدَّوَجَلَّ** Berilah kami peluang sekali lagi. Kami akan lakukan kerja-kerja amal.”

Jerrit-pekik terlolong-lolong mereka yang bergelumbang dosa ini tidak memberi makna apa-apa, Kitab Suci al-Quran telah mamperingatkan kita dalam.

Ayat ke:10 dan ke-11 Surah Munafiqun (Bahagian 28):

**وَأَنْفِقُوا مِنْ مَا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا
أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ ۗ فَأَصِدِّقْ وَأَكُنْ مِنَ الصَّالِحِينَ ۝ وَلَنْ يُؤَخِّرَ اللَّهُ
نَفْسًا إِذَا جَاءَ أَجَلُهَا ۗ وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ۝**

Terjemahan Kanzul-Iman

“Dan belanjakanlah sebahagian dari apa yang telah kami beri kepadamu sebelum datang kematian kepada salah seorang di antara kamu. Lalu ia berkata: “Ya Tuhanku, mengapa Engkau tidak menangguhkan (kematian) ku sampai waktu yang dekat, yang menyebabkan aku dapat bersedekah dan aku termasuk orang-orang yang saleh.”

Amat Mengaibkan

Hujja-tul-Islam Imam Muhammad Ghazali عَلَيْهِ رَحْمَةُ اللَّهِ الْوَالِي menyebutkan dalam Mukashifa-tul-Qulub bahawa Sayyiduna Sheikh Abu Ali Daqqaq عَلَيْهِ رَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى pernah berkata, “Pada suatu hari, ada seorang yang sangat warak (keramat) lagi terkenal jatuh sakit. Saya pun datang menziarahinya. Ketika sampai saya dapati ramai orang mengelilinginya. Saya lihat insan soleh itu sedang menangis. Saya pun bertanya kepadanya, “Oh Sheikh! Adakah tuan menangis kerana tuan akan pergi buat selama-lamanya?”

Insan soleh itu menafikan. Katanya dia menangis kerana dia tertinggal solat. Saya tanya lagi, “Macam mana tuan boleh tertinggal solat?” Jawabnya, “Setiap kali saya dalam keadaan tidak bermaya, saya lalai, setiap kali saya dongakkan kepala saya lalai, dan sekarang ketika saya dalam keadaan lalai saya sedang menghadapi maut. Setelah itu sambil menghela nafas panjang jauh dari sudut hatinya dia membacakan empat rangkap puisi:-

1. Aku menghimbau hari kebangkitan dan kiamat dan terbaring dalam kuburku.
2. Setelah hidup mewah ketika hidupku, kini aku sendirian memohon ampun ke atas dosa-dosaku dengan tanah ini menjadi bantalku.
3. Kufikirkan hari pembalasan dan perbuatanku di dunia.
4. Namun Ya Allah **عَزَّوَجَلَّ** Tuhan Maha Pencipta dan Maha Penyayang, Aku yakin dan memohon kepada-Mu Ya Allah **عَزَّوَجَلَّ** ampunkanlah segala dosaku. (*Mukasyifa-tul-Qulub, H. 22*)

Menangis Masuk Neraka

Wahai Saudara-saudara Muslimin sakalian! Cerita tentang insan-insan soleh ini mengingatkan kita. Lihatlah mereka. Setiap detik yang mereka lalui adalah kerana Allah **عَزَّوَجَلَّ** jua. Namun dalam keadaan demikian, mereka tidak pernah menyombong diri tentang kewarakan mereka. Malah mereka penuh dengan rasa taqwa dan takutkan azab Allah **عَزَّوَجَلَّ**. Berasa aiblah mereka yang sentiasa dalam kelalaian, tiada langsung taat kepada perintah-Nya, tiada keikhlasan, Lihatlah mereka, tidak pernah bercerita tentang ibadah.

Orang-orang yang soleh, walaupun mereka dilindungi Allah **عَزَّوَجَلَّ** daripada dosa, masih gementar memohon ketaqwaan Illahi **عَزَّوَجَلَّ** sambil menangis. Tetapi mereka yang dalam kelalaian akan terus berbuat dosa, mengumumkan perbuatan jenayahnya sambil ketawa. Ingatlah Hujja-tul-Islam Imam

Muhammad Ghazali رَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى عَلَيْهِ berkata bahawa Say-yiduna Abdullah ibn Abbas رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُ berkata, “Barang siapa yang tertawa ketika melakukan dosa, nescaya dia akan menangis masuk neraka.” (*Mukasyifa-tul-Qulub, H 375*)

Apa Jadi Jika Tak Beriman Lagi?

Inilah yang perlu difikirkan. Yang sedang tertawa tetapi berbohong, tidak tunai janji, jual barang rosak, menonton filem dan drama, dengar muzik, menyebabkan kesedihan sesama orang Islam dan melukakan perasaannya. Apa akan jadi kepada kita jika Allah عَزَّوَجَلَّ tidak menyukainya manakala Rasulullah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ yang di-sayangi-Nya tersinggung perasaan-Nya. Dan kita hilang keyakinan kerana dosa yang kita lakukan adalah atas kelalaian dan memaksa kita masuk neraka. Dengarlah peringatan ini baik-baik, Allah عَزَّوَجَلَّ berfirman dalam;

Ayat 82 Surah Taubah (Bahagian 10):

فَلْيَضْحَكُوا قَلِيلًا وَلْيَبْكُوا كَثِيرًا

Terjemahan Kanzul-Iman

“Maka diarah mereka tertawa sedikit dan menangis banyak.”

Tiga Malikul Maut

Hujju-tul-Islam Imam Muhammad Ghazali عَلَيْهِ رَحْمَةُ اللهِ الْوَالِي bercerita di Mukashifa-tul-Quloob bahawa Sayyiduna Ya’akub عَلَيْهِ السَّلَامُ dan Malaikul Maut, Sayyiduna Izrael عَلَيْهِ السَّلَامُ

bersahabat. Pernah pada suatu ketika apabila Malaikul Maut عَلَيْهِ السَّلَام ini datang kepada-nya Sayyiduna Ya'akub عَلَيْهِ السَّلَام bertanya, “Adakah pertemuan ini hanya sekadar pertemuan biasa atau telah tiba masa ajalku? Jawab Malaikul Maut عَلَيْهِ السَّلَام itu, “Nak bertemu sahaja.” Sayyiduna Ya'akub عَلَيْهِ السَّلَام bertanya lagi, “Sebelum tuan mengambil nyawaku hantarlah beberapa orang malaikat (untuk maklumkan aku).” Malaikul Maut عَلَيْهِ السَّلَام menjawab dia akan menghantar seorang berdua. Apabila Malaikul Maut عَلَيْهِ السَّلَام datang untuk mengambil nyawanya Sayyiduna Ya'akub عَلَيْهِ السَّلَام bertanya pula, “Tuan kata nak hantar beberapa malaikat, mana dia?” Sayyiduna Izrael عَلَيْهِ السَّلَام menjawab, “Rambut beruban setelah hitam, lemah setelah kuat dan bongkok setelah tegak lurus. Wahai Ya'akub عَلَيْهِ السَّلَام itulah malaikat atau petanda yang aku hantar sebelum ajal mereka sampai.”
(Mukasyifa-tul- Qulub, H. 21)

Dengarlah peringatan ini baik-baik melalui dua rangkap puisi Arab berikut:

مَضَى الدَّهْرُ وَالْأَيَّامُ وَالذَّنْبُ حَاصِلٌ وَجَاءَ رَسُولُ الْمَوْتِ وَالْقَلْبُ غَافِلٌ
 نَعِيمُكَ فِي الدُّنْيَا غُرُورٌ وَحَسْرَةٌ وَعَيْشُكَ فِي الدُّنْيَا مُحَالٌ وَبَاطِلٌ

Terjemahan

“Hari-hari yang berlalu dengan dosa yang tinggal kekal, Hingga tibanya Malaikal Maut عَلَيْهِ السَّلَام hatinya terus diselubungi lalai, Mewah hidupmu hanyalah kepalsuan yang

disesalkan, Dan hasratmu untuk hidup abadi menjadi sia-sia belaka.” (*ibid*)

Penyakit Itulah Malaikul Maut

Wahai Saudara-saudara Muslimin sakalian! Kita sedari bahawa Malaikul Maut عَلَيْهِ السَّلَام menghantar beberapa petanda (messenger) sebelum sampai ajal kita. Selain petanda yang disebutkan seperti penyakit dan penglihatan. Masalah pendengaran juga adalah juga petanda. Petanda-petanda maut yang dibawa Sayyiduna Izrael عَلَيْهِ السَّلَام sampai kepada kita dengan pelbagai cara. Tapi apa yang kita tahu tentang kelalaian! Jika kepala telah mula beruban, walaupun ia adalah tanda ajal sudah dekat, dia akan kata bahawa dia kena demam selsema. Kalau dia sakit, walaupun itu tanda ajal sudah dekat, dia tetap lalai. Dia lupa bahawa penyakit boleh membawa maut kepada ramai manusia setiap hari. Sakit yang tak seberapa boleh membawa maut. Dan ketika itu dia akan kehilangan orang-orang yang disayangi. Musuh-musuhnya pula akan gembira dan dia sendiri akan dikebumikan dengan tanah berhimpun di atasnya. Hanya yang tinggal perbuatan baik buruknya ketika hidup.

Nama Terpahat Di Pintu Neraka

Ingatlah! Barang siapa yang hidup lalai dan terus membuat dosa sedang berada dalam kesesatan, kegelapan dan kejahatan. Jika pun dia berada dalam kemurkaan Allah عَزَّوَجَلَّ dan Rasulullah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dia akan dilaknati pada hari Kiamat.

Rasa kesal dan malu tidak akan dapat menyelamatkannya. Namun dia masih ada peluang untuk cepat-cepat bertaubat dan meneruskan hidup berdasarkan Sunnah. Rasulullah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ telah mengingatkan, “Barang siapa meninggalkan sembahyang dengan sengaja walau satu waktu sekalipun, namanya akan tertulis di pintu masuk neraka jahanam.” (*Hikaya-tul-Aulia, Ayat 7 Hal. 299, Hadis 10590*)

Sebuah hadis lagi menyebut, “Barang siapa yang meninggalkan puasa walau sehari pun di bulan Ramadhan tanpa sebab-sebab yang munasabah, dia boleh sahaja berpuasa sebanyak mana sekalipun, namun dia tidak dapat menggantikan puasa yang tertinggal itu.” (*Jami, Turmizi, Ayat 2 Hal. 175, Hadis 723*)

Api Dalam Mata

Barang siapa yang menatap wajah wanita, menonton filem, mendengar alunan muzik dan menabur fitnah hendaklah segera bertaubat kerana Hujja-tul-Islam Imam Muhammad Ghazali رَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى عَلَيْهِ pernah berkata, “Barang siapa yang melihat perkara-perkara yang haram nescaya akan dicucuhi api pada hari pembalasan di kiamat nanti.” (*Mukasyifa-tul-Qulub, H. 10*)

Paku Dalam Mata Dan Telinga

Seorang sarjana Hadis yang masyhur daripada Mazhab Shafie Alama Jalaluddin Suyuti Ashshafi, رَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى عَلَيْهِ berkata; Pada malam Rasulullah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ naik mikraj, baginda melihat manusia memasukkan paku ke dalam mata dan

telinganya. Baginda pun diberi tahu, “Mereka lihat apa yang baginda tidak lihat dan mereka dengar apa yang baginda tidak dengar.” (*Shar-ur-Sudur, H.171*)

Maka mereka yang melihat dan mendengar benda-benda haram akan memasukkan paku ke dalam mata dan telinganya. Ingatlah! Jangan tonton TV, malah siaran beritanya sekalipun. Ingatlah! Bagi lelaki dan wanita yang saling berpandangan dengan penuh nafsu adalah haram hukumnya dan setiap yang haram itu adalah neraka tempatnya. (barang dijauhi Allah عَزَّوَجَلَّ).

Wajah Bagaikan Penyembah Api

Wahai Saudara-saudara Muslimin sakalian! Mencukur janggut sehingga bersih dan membiarkan janggut kurang sejengkal adalah haram hukumnya. Sayidduna Imam Muslim رَحِمَهُ اللهُ تَعَالَى عَنْهُ menceritakan bahawa Rasulullah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ yang dikasihi telah mengingatkan, “Potonglah dengan kemas misai kamu, biarkan janggut kamu panjang dan janganlah tiru penyembah api.” (*Sahih Muslim, VI.H129*)

Hadis ini telah menggoyahkan rasa bangga seseorang Muslimin, dan yang anehnya dia menyayangi Rasulullah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tetapi pada masa yang sama meniru perbuatan musuh baginda.

Dari Siapa Harus Kita Berlindung?

Saudara-saudara Muslimat yang menutup aurat dan yang sedang mendengarku! Dengarlah! Tanpa menutup aurat haram

hukumnya. Menjeling berahi kepada lelaki yang bukan muhrimmu (lelaki yang boleh kamu kahwini) adalah haram, dan nerakalah tempat kamu. Lelaki pula hendaklah mengelak daripada memandang, bercakap dan bersendirian dengan sepupu perempuannya. Begitu juga halnya dengan lelaki ditegah daripada berbuat demikian dengan anak-anak ibu saudaranya. Begitu pulalah halnya dengan adik atau kakak iparnya. Hakikatnya, peraturan yang sama tetap dikenakan kepada perempuan terhadap sheikh keagamaannya. Perempuan dilarang mencium tangan sheikhnya. Dia juga dilarang diusap oleh sheikhnya. Anak gadis hendaklah menutup aurat terpisah daripada budak lelaki pada usia 9 tahun, sementara budak lelaki pada usia 12 tahun.

Fesyen Terlarang

Rasulullah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bersabda, “(Pada malam naik mikraj) aku melihat manusia menggantung lidahnya dan apabila aku tanya, Jibrail عَلَيْهِ السَّلَامُ menjawab, “Semasa di dunia mereka itu mengenakan pakaian yang terlarang.” Aku juga mendengar jerit-pekik dari lembah yang hina, hanyir lagi busuk. Jibrael عَلَيْهِ السَّلَامُ menjelaskan, “Mereka adalah perempuan yang berpakaian terlarang.” (*Tarikh Baghdad, VI, H 415*)

Ingatlah! Penggilap kuku membentuk lapisan kuku yang sedia ada dan ini menyebabkan terbatal wuduk dan ghusl. Justeru sembahyang pun menjadi tidak sah. Saya mohon saudari-saudari Muslimat agar mengenakan hijab Madani, sarung tangan dan stoking dan tidak memperlihatkan walau bahagian

tangan dan tapak kaki sekalipun kepada lelaki yang bukan muhrim.

Sembahyanglah Berulang kali

Andainya kamu tertinggal sembahyang atau puasa, handaklah kamu hitung dan menggantinya, dan masih belum terlambat untuk kamu bertaubat, jika perlu. Saya ada menjelaskan cara yang mudah menggantikan sembahyang yang tertinggal melalui buku saya yang berjudul “Aturan Sembahyang Qadha.” Buku ini boleh dibeli di Maktaba-tul-Madina. Ia menjelaskan peraturan-peraturan penting tentang topik ini.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ

Saudara-saudara Muslimin sakalian! Angkatlah tanganmu dan lahirkanlah rasa hatimu dengan laungan yang bergemuruh *إِنْ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ* sambil bertekad, “Selepas ini kami tidak akan tinggalkan Sembahyang, walau satu waktu pun.” *إِنْ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ*

“Kami tidak akan tinggalkan puasa di bulan Ramadhan, walau sehari pun.” *إِنْ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ* “Kami tidak akan menonton wayang lagi.” *إِنْ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ* “Kami tidak akan dengar muzik lagi.” *إِنْ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ* “Kami tidak akan mencukur janggut lagi.” *إِنْ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ* “Kami tidak akan potong janggut kurang sejengkal lagi.” *إِنْ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ*

صَلَّى اللَّهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ

Di Rahmati Dawat-e-Islami

Setiap orang daripada anda perlu menjadi sebahagian daripada anggota Dawat-e-Islami kerana anda akan beroleh kejayaan dunia dan akhirat **إِنْ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ**.

Saya ingin berkongsi cerita tentang kejayaan Dawat-e-Islami baru-baru ini. Cerita kejayaan ini akan menyebabkan hati anda lebih bersemangat sehingga di hati anda terjelma sebuah taman Madina **إِنْ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ**.

Jenazah Muhammad Ihsaan Attari

Seorang anak muda bernama Muhammad Ihsaan dari daerah Gulbahar di Karachi menjadi anggota Dawat-e-Islami dan menjadi pengikut Sayyiduna Ghous-e-Azam (Shaykh Abdul Qadir al-Jilani) **رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ** melaluiku. Dia pun mengalami perubahan Madani dalam hidupnya. Dia membiarkan janggutnya panjang dan mula memakai serban (Imaama Shareef) berwarna haijau. Dia belajar mengaji Kitab Suci Al-Quran di Madrassa-tul-Madina dan mula menyeru orang rami ke jalan kebaikkkan.

Tiba-tiba dia merasa sakit di bahagian tengkuknya dan walaupun dia mendapatkan rawatan sakitnya semakin bertambah teruk. Dia seperti berada dalam keadaan hidup dan mati. Dia gunakan wasiat yang saya terbitkan (boleh dibeli daripada Maktaba-tul-Madina) untuk menulis wasiatnya sendiri dan menyerahkan wasiat itu kepada ketua daerah (penghulu) Nigraan tempatan sejurus sebelum dia meninggal. Ketika itu

dia baru berusia 35 tahun dan jenazahnya dikebumikan di tanah perkuburan tempatan. Dia berwasiat meminta yang tinggal membaca tilawah, selawat dan doa selama 12 jam di makamnya. Mereka pun memenuhi permintaannya.

Pada hari Selasa, 6 Jamd-ul-Akhir 1418 (7 Oktober 1977), iaitu kira-kira tiga setengah tahun setelah Allahyarham meninggal dunia, satu lagi jenazah dikebumikan di tanah perkuburan yang sama. Jenazah itu adalah juga seorang saudara Muslimin yang bernama Usman Attari. Beberapa orang yang hadir di pengkebumian itu berkunjung ke makam Muhammad Ihsaan Attari رَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى عَلَيْهِ berdekatan untuk menyedekahkan doa. Alangkah terkejutnya mereka apabila mendapati ada lubang besar di bahagian makam dengan mayat masih berada dalam keadaan sempurna.

Jenazah Muhammad Ihsaan Attari رَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى عَلَيْهِ masih terbaring dengan pakaian Imaama Shareef bewarna hijau di kepalanya masih dalam keadaan sempurna dan wangi kain kafannya masih belum hilang. Berita penemuan itu merebak begitu pantas bagaikan api yang marak menyala dan sepanjang malam orang ramai terus terpegun menatap mayat serba sempurna itu. Antara yang hadir di makam itu adalah mereka yang selama ini salah faham tentang Dawat-e-Islami. Setelah menyaksikan kebesaran Rahmat Allah عَزَّوَجَلَّ ke atas saudara Muslimin, orang ramai berubah hati dan masuk menjadi sebahagian daripada anggota Dawat-e-Islami.

Mati Syahid Di Dawat-e-Islami

Wahai saudara-saudara Muslimin sakalian! Anda mungkin telah maklum tentang cubaan membunuh ke atas seorang ahli Sunnah biasa di Lahore (Pakistan) pada 25 Rejab 1416. Akibatnya dua orang Mubaligh, Haji Uhud Raza Attari dan Muhammad Sajjad Attari رَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى عَلَيْهِ telah mati syahid. Kira-kira lapan bulan kemudian Lahore (Pakistan) mengalami hujan yang berpanjangan menyebabkan kubur Haji Uhud Raza Attari رَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى عَلَيْهِ mengalami kerosakan. Maka diputuskanlah supaya mayat Allahyarham ini dipindahkan ke tempat lain. Kuburnya digali semula. Alangkah terkejutnya mereka yang hadir apabila mayat masih berada dalam keadaan sempurna, tidak mengalami sebarang perubahan. Dengan disaksikan mereka yang hadir, mayat itu dipindahkan. Peristiwa ini telah disebut dengan terperinci dalam “Dirahmati Dawat-e-Islami” Bahagian 2. Saya mohon semua saudara Muslimin dan Muslimat untuk bersekutu dengan persekitaran Madani Dawat-e-Islami. Tidak ada proses keanggotaan dalam Dawat-e-Islami. Usahakanlah untuk hadir di majlis Ijtima di tempat anda setiap minggu dan mengembara bersama Ashiqaan-e-Rasool di Qafilay Madani untuk mendapatkan disiplin Sunnah. Setiap orang perlu berusaha menyebarkan pesan-pesan Sunnah dan mengundang yang lain demi kebaikan dalam bidang tugas mereka masing-masing.

صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ

اَللّٰهُمَّ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلَاةُ السَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖٖ وَسَلَّمَ وَبِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Dengan Berkah Sunnah

Sunnah Rasulullah ﷺ diajar dan dipelajari dalam perskitaran Madani Dawat-e-Islami, sebuah Pergerakan Quran dan Sunnah antarabangsa yang bukan berunsur politik propoganda. Ijtima mingguan di Karachi diadakan setiap Khamis selepas Sembahyang Maghrib di Faizan-e-Madina, Mahallah Sodagran, Old Sabzi Mandi. Ini adalah permintaan Madani supaya anda ikut serta dalam Ijtima ini dan cuba bermalam di Faizan-e-Madina.

Jadikanlah ia satu amalan untuk mengembara bersama pencinta-pencinta Rasulullah ﷺ dalam Qafilah Madani sambil menyumbang fikiran untuk mengisi kad harian In,aamaat Madani dan menyerahkannya zimadaar di kawasan anda dalam sepuluh hari pertama setiap bulan berdasarkan kalendar Islam.

إِن شَاءَ اللّٰهُ عَزَّوَجَلَّ dengan Rahmat-Nya kita akan mula bertindak atas Sunnah Rasulullah ﷺ membenci dosa-dosa dan melindungi Iman kita. Setiap saudara-saudara Muslimin hendaklah bertekad bahawa "SAYA AKAN BERUSAHA MEMPERBAIKI DIRI SENDIRI DAN SELURUH DUNIA." إِن شَاءَ اللّٰهُ عَزَّوَجَلَّ

Untuk memperbaiki diri, kiti akan mengamalkan In,aamaat Madani dan untuk memperbaiki seluruh umat kita akan mengembara dalam Kafilah Madani. إِن شَاءَ اللّٰهُ عَزَّوَجَلَّ

Maktaba
tul
adinah

Alami Madani Markaz, Faizan-e-Madinah, Mahallah Saudagran, Old Sabzi Mandi, Bab-ul-Madinah, Karachi, Pakistan.

☎ +92-21-34921389 to 93, 4126999 Fax: +92-21-34125858

✉ maktabaglobal@dawateislami.net

🌐 Web: www.dawateislami.net